

22/11/1999

Petanda baik BN kekal majoriti dua per tiga

Kadir Dikoh

DENGAN berakhirnya proses penamaan calon dalam pilihan raya umum ke-10, pertarungan berlaku di 192 kawasan Parlimen dan 393 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Dua kerusi, masing-masing satu kerusi Parlimen di Sarawak dan DUN di Johor sudah digenggam Barisan Nasional (BN), selepas calonnya menang tanpa dicabar.

Buat kali pertama dalam sejarah, pilihan raya umum kali ini menyaksikan banyak pertandingan membabitkan satu lawan satu. Mulai kelmarin hingga menjelang keputusannya nanti, tumpuan rakyat lebih untuk mengetahui siapa menang dan siapa kalah, siapa yang dapat mengekalkan kawasan dan parti mana pula akan menubuhkan kerajaan atas nama demokrasi.

Bagi pakatan pembangkang yang menggelarkan diri barisan alternatif, mereka begitu ghairah untuk menubuhkan kerajaan dan sudah pun menamakan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang sebagai Perdana Menteri yang dicadangkan Pas. Strategi DAP pula berbeza. Parti itu lebih ghairah untuk menafikan majoriti dua pertiga BN.

Keghairahan barisan alternatif begitu ketara apabila mereka meletak calon menandingi setiap calon BN sama ada kerusi Parlimen atau DUN. Keadaan itu menyebabkan pertandingan satu lawan satu di 152 kerusi Parlimen dan 367 kerusi DUN.

Misalnya, semua kawasan Parlimen dan DUN di Melaka dan Perlis menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara BN dan barisan alternatif, pakatan empat parti pembangkang dianggotai Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Pertandingan tiga penjuror pula membabitkan 37 kawasan Parlimen dan 25 kawasan negeri, manakala pertandingan empat penjuror berlaku di dua kerusi Parlimen dan satu DUN saja. Hanya kawasan Parlimen Kota Belud menyaksikan lima calon bertanding, berbanding tujuh orang dalam pilihan raya umum lalu.

Pakatan barisan alternatif yang ditubuhkan berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan Umno tidak boleh dianggap memberi saingan kepada BN pada pilihan raya kali ini. Isu Anwar tidak lagi dianggap memberi kesan besar.

Daripada senarai calon, didapati banyak kawasan yang ditandingi pembangkang tidak dilakukan bersungguh-sungguh. Penyertaan mereka sekadar tidak mahu memberi kemenangan tanpa bertanding bagi BN. Harapan parti pembangkang untuk menang dianggap tipis.

Impian gabungan pembangkang bagi melantik Anwar sebagai Perdana Menteri pula pudar apabila bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak bertanding. Sehingga tempoh penamaan calon di Lembah Pantai (kawasan yang dikatakan akan ditandingi Anwar) ditutup pada jam 11 pagi kelmarin, tidak ada pencalonan daripada beliau.

Sebaliknya, Keadilan meletakkan ahli jawatankuasa pusatnya, Zainur Zakaria, menentang Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Jalil (BN) di kawasan itu. Untuk menjadi Perdana Menteri, seseorang mesti dipilih menerusi pilihan raya.

Ulama Pas, Datuk Dr Harun Din yang sebelum ini dicanang akan dilantik sebagai Menteri Besar Perlis dan kemudian dikatakan pula akan mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu, juga tidak bertanding. Sementara Anwar menjadikan kemungkinan kertas pencalonannya ditolak (kerana menjalani hukuman penjara) sebagai alasan, Pas pula memberi alasan Dr Harun mungkin diisytihar muflis kerana menjamin seorang peniaga yang

gagal menjelaskan pinjaman bank.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail bertanding di Permatang Pauh, kerusi suaminya. Beliau diberi cabaran Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ibrahim Saad. Permatang Pauh menjadi salah satu kawasan yang dianggap menarik kerana peluang kedua-dua calon adalah 50:50.

Ibrahim adalah setiausaha politik Anwar sebelum ini sehingga beliau bertanding bagi kerusi DUN Seberang Jaya pada 1986 ketika Anwar mewakili Permatang Pauh.

Namun, persahabtan itu 'dipisahkan' oleh pegangan politik masing-masing yang sememangnya diketahui umum termasuk 50,502 pengundi di Permatang Pauh. Ibrahim lebih mementingkan perpaduan rakyat dan kestabilan politik negara.

Kerusi lain yang turut diberi perhatian ialah 'kawasan pengundi bandar' Parlimen Lembah Pantai yang menyaksikan peguambela Anwar, Zainur menentang Shahrizat. Dua kerusi itu jugalah menjadi perkiraan awal sebagai tempat Anwar, jika beliau bertanding.

Tidak dapat dielakkan, tumpuan tetap diberi di kerusi Parlimen Kubang Pasu kerana di situlah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanding.

Pencalonan Pesuruhjaya Pas Wilayah Persekutuan, Subky Latiff yang berasal dari Perak dan tidak pernah berjasa kepada penduduk Kubang Pasu dan negara, diletakkan mencabar Dr Mahathir.

Subky hanya diletakkan bertanding di kawasan itu semata-mata menunjukkan sikap Pas yang tidak mahu memberi laluan percuma kepada Perdana Menteri. Subky boleh dianggap sebagai mangsa Pas selepas parti itu tidak tahu kawasan lebih sesuai bagi Subky yang tidak pernah menang dalam beberapa pilihan raya ditandinginya. Sebelum ini, antara nama yang disebut-sebut bertanding di Kubang Pasu ialah Wan Azizah, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Harun Din.

Turut mendapat perhatian ialah kehadiran beberapa ulama terutama Pas seperti Datuk Ismail Kamus di kerusi DUN Gombak Setia menentang Abdul Ghani Mohamad Yatim dan bekas imam besar Masjid Negara, Taib Azzamuddin Md Taib mencabar Bahador Shah di Baling.

Calon lain seperti penulis novel Shit, Datuk Shahnnon Ahmad yang menentang Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Turut bertanding untuk kali pertama ialah beberapa rakan rapat Anwar seperti Setiausaha Agung Keadilan, Mohd Annuar Tahir yang menentang Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid di kawasan Parlimen Padang Besar; Datuk Kamaruddin Jaafar yang baru menyertai Pas, menentang Noor Zahidi Omar di Tumpat dan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Nor di kerusi Parlimen Shah Alam menentang Datuk Zin Mohamad.

Sebaliknya, pengekaln beberapa kenalan rapat Anwar sebelum ini sebagai calon BN, selain membuktikan Umno mengiktiraf mereka yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan parti, turut menjadi tumpuan. Antaranya ialah Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Bagan Datoh dan ditentang calon Keadilan, Mohd Dahalan Arshad.

Begitu juga dengan Datuk Fauzi Abdul Rahman 'orang yang dikatakan bersimpati dengan Anwar', dicalonkan semula tetapi bagi kerusi DUN Beserah, dengan dicabar Mohd Yusof Ibrahim dari Pas.

Pilihan raya kali ini menenggelamkan impian DAP untuk terus menawan Pulau Pinang meskipun Kit Siang dan Timbalan Pengerusinya, Karpal Singh masing-masing bertanding dua kerusi di negeri itu.

Persoalan sama ada BN berjaya merampas semula Kelantan turut menjadi perbincangan umum. Tumpuan sudah pasti diberikan kepada pemain utamanya, Tengku Razaleigh Hamzah dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, walaupun mereka bertanding di kerusi berbeza.

Pertukaran Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Ketua

Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin ke kerusi Parlimen, menambahkan lagi kerancangan pilihan raya kali ini kerana mencetuskan spekulasi baru.

Jika menang di kerusi DUN Paya Rumpit, Datuk Mohd Ali Rustam hampir pasti mengambil alih tempat Abu Zahar dan begitu juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Tajol Rosli di DUN Kenering di Perak.

Pengekalan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, Datuk Seri Shahidan Kassim (Perlis), Tan Sri Mohd Isa Samad (Negeri Sembilan) dan Datuk Abdul Ghani Othman (Johor) untuk mempertahankan kerusi DUN masing-masing, memamatkan spekulasi mereka digugur atau berpindah ke Pusat. Semua ini merancakkan lagi perbualan di kalangan rakyat.

BN bagaimanapun mendapat petanda baik apabila memenangi dua kerusi tanpa bertanding pada hari penamaan calon kelmarin. Calon BN di kawasan Parlimen Betong, Sarawak, Douglas Ugah Anak Embas dan calon BN di kerusi DUN Tangkak, Johor, Yap Chik Dong diumumkan pemenang apabila tiada pencabar selepas pencalonan ditutup.

Malah, BN nyaris memenangi kerusi Parlimen Sempurna apabila Ketua Penerangan Keadilan Sabah, Abdillah Abdul Hamid menarik diri daripada bertanding. Berikutan itu, calon BN, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Shafie Apdal hanya menghadapi tentangan daripada calon bebas, Abdul Rahim @ Abdurahim.

(END)